# Sarjana Muda Sains Agroteknologi (Sains Tanaman)

**Pengenalan**

Program ini ditawarkan oleh UMT bermula sesi 2014/2015. Ianya merupakan salah satu program yang menjadi pilihan pelajar. Program Sains Tanaman memberikan tumpuan kepada pengajian mengenai tanaman ke arah peningkatan produktiviti dengan memberikan penekanan khusus kepada kefahaman mendalam tentang struktur dan taksonomi tumbuhan, genetik dan pembiakbakaan tumbuhan, fisiologi tumbuhan, sistem penanaman, pengeluaran tanaman, teknologi pengeluaran tanaman makanan, sains tanah, kejenteraan pertanian, teknologi pertanian tepat, kawalan penyakit, serangga dan rumpai, teknologi lepas tuai dan teknologi biji benih. Matlamat program Sains Tanaman ialah untuk menjana dan menyebarkan ilmu bagi tujuan pembangunan pertanian dalam pelbagai bidang sains tanaman.

---

**KELAYAKAN KEMASUKAN**

---

**Kelayakan Minimum Diploma/Setaraf**

**Syarat Am Universiti**
Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)/Setaraf dengan mendapat **kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu/Bahasa Malaysia atau Kepujian Bahasa Melayu/Bahasa Malaysia Kertas Julai**;

**dan**

Memiliki kelulusan Diploma atau kelulusan lain yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan Malaysia dan diluluskan oleh Senat IPTA;

**atau**

Lulus Peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) tahun 2012 atau sebelumnya dengan mendapat sekurang-kurangnya;

**• Gred C (NGMP 2.00) dalam mata pelajaran Pengajian Am;**
**dan**

**• Gred C (NGMP 2.00) dalam dua (2) mata pelajaran lain;**

**atau**

Lulus peperiksaan **Matrikulasi tahun 2010** atau sebelumnya dengan mendapat sekurang-kurangnya **PNGK 2.00**;
**Kelayakan Minimum Diploma/Setaraf**

**dan**

Mendapat sekurang-kurangnya Tahap 1 (Band 1) dalam Malaysian University English Test (MUET).

**KEPERLUAN KHAS PROGRAM**
Bagi calon lepasan STPM / Matrikulasi tahun 2012 atau sebelumnya:
Mendapat sekurang-kurangnya **Gred C (2.00)** dalam mata pelajaran berikut:
• Biology

---

**Kelayakan Minimum Matrikulasi KPM/Asasi**

---

**Syarat Am Universiti**
Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)/Setaraf dengan mendapat kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu/Bahasa Malaysia atau kepujian Bahasa Melayu/Bahasa Malaysia Kertas Julai;
Lulus Matrikulasi KPM/Asasi Sains UM/ Asasi UiTM dengan mendapat sekurang-kurangnya **PNGK 2.00**;
**dan**
Mendapat sekurang-kurangnya Tahap 1 (Band 1) dalam Malaysian University English Test (MUET).

**KEPERLUAN KHAS PROGRAM**

Mendapat sekurang-kurangnya **Gred C (2.00)** pada peringkat Matrikulasi / Asasi dalam mata pelajaran berikut:

• Biology

---

**Kelayakan Minimum STPM**

---

**Syarat Am Universiti**

Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)/Setaraf dengan mendapat kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu/Bahasa Malaysia atau kepujian Bahasa Melayu/Bahasa Malaysia Kertas Julai.

**dan**

Lulus Peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dengan mendapat sekurang-kurangnya:

• **Gred C (NGMP 2.00) mata pelajaran Pengajian Am;**

**dan**

• **Gred C (NGMP 2.00) dalam dua (2) mata pelajaran lain.**

**dan**

Mendapat sekurang-kurangnya Tahap 1 (Band 1) dalam Malaysian University English Test (MUET).

**KEPERLUAN KHAS PROGRAM**

Mendapat sekurang-kurangnya **Gred C (NGMP 2.00)** pada peringkat STPM dalam mata pelajaran berikut:

• Biology

---

**Tempoh Pengajian Yuran dan Jumlah Jam Kredit**

Tempoh Pengajian - 3 **tahun**

Yuran Pelajar Tempatan /Semester (RM) **980.00**

Yuran Pelajar Antarabangsa /Semester (RM) **2300.00**

Jumlah jam Kredit - **125**

♦ Yuran yang dipaparkan adalah tidak termasuk bayaran yuran asrama (penginapan) dan Yuran Tidak Berulang (Non-recurrent Fees).

♦ Yuran Tidak Berulang (Non-recurrent Fees) (hanya dibayar 1 kali di dalam semester pertama) – RM450.00

♦ Yuran asrama (per semseter dan per pelajar). Terdapat 3 jenis pakej bilik yang ditawarkan:

• 4 orang per bilik – RM 357.00/semester/pelajar
• 3 orang per bilik – RM 476.00/semester/pelajar
• 2 orang per bilik – RM 595.00/semester/pelajar

---

**Yuran Tidak Berulang**

| | |
|---|---|
| Pendaftaran | 100.00 |
| Minggu Orientasi | 200.00 |
| Ko-kurikulum | 150.00 |
| **JUMLAH** | **450.00** |

---

**Bidang Kerjaya**

Antara bidang kerjaya yang boleh diceburi oleh graduan program Sarjana Muda Sains Agroteknologi (Sains Tanaman) adalah seperti berikut:

1. Pegawai Penyelidik
2. Pegawai Pertanian
3. Usahawan
4. Korporat
5. Pendidik (Pensyarah / Guru)

---

**KETERANGAN LANJUT**

Untuk mendapatkan keterangan lanjut mengenai Universiti Malaysia Terengganu, sila hubungi :

**Jabatan Pengurusan Akademik**
**Bangunan Pusat Pengajian Siswazah**
**Universiti Malaysia Terengganu**
**21030 Kuala Terengganu**
**Terengganu Darul Iman.**
**Tel : 09-668 4532/4219**
**Faks : 09 – 668 4143**
Laman Web :www.umt.edu.my